

TARIKH : 19 JULAI 2020

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : M/S 8

Pemulihhan COVID-19

3 sektor utama ekonomi sudah beransur pulih

Projek kerajaan disambung bolehkan syarikat pembinaan kembali operasi

Kuching: Tiga sektor ekonomi negara, iaitu pembuatan, pembinaan dan pertanian yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19, sudah beransur pulih.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri

Mustapa Mohamed, berkata walaupun sektor pembinaan swasta masih bergelut, kerja bagi projek kerajaan yang disambung semula membolehkan banyak syarikat pembinaan kembali beroperasi.

"Keseluruhaninya, ekonomi Malaysia masih menghadapi cabaran, tetapi sudah ada tanda pemulihhan," katanya pada sidang media selepas mengadakan perjumpaan dengan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (Recoda) dan komuniti perniagaan negeri ini, di sini, semalam.

Mustapa berkata, sektor pelancongan dan lain-lain sektor perkhidmatan termasuk perk-

hidmatan profesional dan sektor peruncitan mengalami kemerosotan yang teruk sepanjang tempoh pandemik berkenaan.

Katanya, walaupun sektor pelancongan domestik sudah menunjukkan sedikit pemulihhan, ia tidak dapat pulih sepenuhnya berikutan pelancongan luar negera masih belum dibuka.

Selain itu, katanya, kadar pengangguran bagi Mei juga semakin menunjukkan pemulihhan iaitu 5.3 peratus pada peringkat kebangsaan dan dijangka terus pulih bulan ini.

Sementara itu, Mustapa yakin dengan prospek kemajuan di Sa-

rawak serta kerjasama baik antara kerajaan negeri dan Pusat akan membawa kepada pembangunan yang lebih besar.

Katanya, tumpuan Sarawak adalah kepada ekonomi digital dan kelestarian alam sekitar yang menjadi tonggak utama pembangunan negeri.

"Kerajaan Sarawak juga menyediakan insentif dan paket berjumlah RM2.5 bilion untuk membantu rakyat, khususnya rakyat kumpulan B40 dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negeri ini, yang merupakan paket terbesar berbanding negeri lain," katanya.



Mustapa Mohamed

Di samping itu, katanya, kerajaan Sarawak juga mempunyai perancangan pembangunan perniagaan di perbatasan negara (perdagangan sempadan) dengan Indonesia dan Brunei, yang potensinya cukup besar apabila Indonesia memindahkan ibu kotanya dari Jakarta ke Kalimantan Timur.

"Syarikat luar negara, termasuk dari Jepun dan China akan menambah pelaburan di negeri ini dan bermakna sektor pelaburan di negeri ini akan berkembang pesat," katanya. BERNAMA